



Bank Pilihan Anda

TERMA DAN SYARAT
REVISED LOYALTY PROGRAM KAD KREDIT-i BANK RAKYAT

A. KELAYAKAN DAN PENYERTAAN

1. *Revised Loyalty Program* (“**Program**”) Kad Kredit-i Bank Rakyat (“**BR**”) adalah terbuka kepada semua pemegang kad **TERMASUK** warga kerja Bank Rakyat yang mana akaun kad hendaklah sah, dalam kedudukan yang baik, tidak ditutup, dibatalkan, digantung atau ditamatkan oleh Bank Rakyat bagi penyertaan program ini.

B. TEMPOH EFEKTIF

1. Program ini akan berlangsung bermula pada 16 Jun 2022.

C. MATA GANJARAN REVISED LOYALTY PROGRAM YANG DIPEROLEH

1. Ganjaran Rakyat

- 1.1 Satu mata ganjaran akan diberikan kepada pemegang Kad Kredit-i untuk setiap RM10 penggunaan. Mata ganjaran tersebut kemudiannya akan ditukarkan kepada tunai pada kadar RM0.10 bagi setiap 10 mata ganjaran.
- 1.2 Ganjaran Rakyat akan mempunyai tempoh tamat yang baharu. Sila rujuk di perkara D.

2. Tabung Ganjaran Rakyat/Rebat Rakyat

- 2.1 Bermula dari 16 Jun 2022, Tabung Ganjaran Rakyat akan dikenali sebagai **Rebat Rakyat**.
- 2.2 Mekanisme Rebat Rakyat ialah sama seperti di Tabung Ganjaran Rakyat
Jadual rebat adalah seperti di bawah:

Perkara	Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3
Kemudahan 'auto debit'	0.5%	0.5%	0.5%
Rekod pembayaran yang baik	1.0%	1.0%	1.5%
Lain-lain kemudahan pembiayaan di Bank Rakyat	0.5%	1.0%	1.0%
Jumlah Rebat (Rebat Rakyat)	2.0%	2.5%	3.0%



Bank Pilihan Anda

- 2.3 Bermula 16 Jun 2022, rebat yang diperoleh dari Rebat Rakyat akan ditolak secara terus mengikut baki tertunggak pada tarikh penyata.
- 2.4 Jumlah rebat akan dipaparkan di dalam penyata bulanan sebagai sebahagian daripada item yang dibilkan kepada pemegang kad.
- 2.5 Untuk pemegang kad sedia ada, jumlah rebat Tabung Ganjaran Rakyat yang terkumpul hingga 15 Jun 2022 akan ditukarkan kepada Ganjaran Rakyat dengan menggunakan kaedah penukaran Ganjaran sedia ada. Ilustrasi penukaran seperti jadual di bawah:

Senario	Bulan/ Tahun	Tabung Ganjaran Rakyat	Penukaran ke Mata Ganjaran Rakyat	Jumlah Ganjaran Rakyat Sedia Ada	Jumlah Terkumpul Mata Ganjaran Rakyat
1	Sebelum 15 Jun 2022	Sehingga 15 Jun 2022			16 Jun 2022
		RM50	5,000 mata ganjaran	10,000 mata ganjaran	15.000 mata ganjaran
2	Sebelum 15 Jun 2022	Sehingga 15 Jun 2022			16 Jun 2022
		RM100	10,000 mata ganjaran	15,000 mata ganjaran	25.000 mata ganjaran

D. TEMPOH TAMAT GANJARAN RAKYAT

1. Bermula dari 16 Jun 2022, Ganjaran Rakyat akan mempunyai tempoh tamat selama tiga tahun. Ganjaran Rakyat yang diperoleh pada mana-mana tarikh dalam mana-mana bulan adalah sah sehingga tarikh akhir bulan tahun ketiga tersebut. Berikut ialah jadual bagi ilustrasi yang menggambarkan Ganjaran Rakyat terkumpul dan tarikh luput:

Bulan/Tahun	Ganjaran Rakyat Terkumpul	Tarikh Luput Ganjaran Rakyat
Sebelum 15 Jun 2022	Sehingga 15 Jun 2022	30 Jun 2025
Jun 2022	Dari 16 hingga 30 Jun 2022	Pada 30 Jun 2025
Januari 2023	Dari 1 hingga 31 Jan 2023	Pada 31 Jan 2026
Mac 2024	Dari 1 hingga 31 Mac 2024	Pada 31 Mac 2027

2. Semua Ganjaran Rakyat mesti ditebus sebelum tarikh luput. Tempoh lanjutan tidak akan diberikan kepada Ganjaran Rakyat yang telah luput.
3. Pemegang kad akan dimaklumkan mengenai jumlah Ganjaran Rakyat yang terkumpul di dalam penyata bulanan kad.



Bank Pilihan Anda

4. Pemegang kad boleh menyemak jumlah terkumpul Ganjaran Rakyat melalui iRakyat. Sila rujuk perkara **(F)** untuk pendaftaran iRakyat.

E. PENEBUSAN GANJARAN RAKYAT

1. Akaun pemegang kad hendaklah dalam kedudukan yang baik (tiada hutang tertunggak terkini), tidak ditutup, dibatalkan, digantung atau ditamatkan oleh BR atau pemegang kad semasa permohonan penebusan dibuat.
2. Ganjaran Rakyat yang terkumpul dalam akaun pemegang kad utama dan pemegang kad tambahan hanya boleh ditebus oleh pemegang kad utama.
3. Ganjaran Rakyat hanya sah untuk penebusan selepas Ganjaran Rakyat diberikan.
4. Pemegang kad hanya boleh membuat penebusan melalui iRakyat **SAHAJA**.
5. Pemegang kad boleh menebus Ganjaran Rakyat yang terkumpul kepada mana-mana pilihan yang tersedia berikut:
 - a. Kredit ke Bank Rakyat 'CASA-i'
 - b. Pembayaran baki tertunggak Kad Kredit-i Bank Rakyat
 - c. Penukaran mata ganjaran kepada rakan kongsi perniagaan yang dilantik.

F. PENEBUSAN GANJARAN RAKYAT DALAM TALIAN MELALUI iRAKYAT

1. Pemegang kad boleh mendaftar di iRakyat Bank Rakyat dengan mengikuti langkah-langkah di bawah:

Langkah 1	Log masuk ke www.irakyat.com.my dan klik "Login" pilih "Personal Banking".
Langkah 2	Klik "Daftar", pilih "Saya mempunyai Kad Debit-i/Kredit-i Bank Rakyat" untuk meneruskan.
Langkah 3	Daftar sebagai ahli dengan nombor Kad Kredit-i, nombor telefon bimbit dan PIN kad anda. Sekiranya anda mempunyai nombor telefon bimbit yang sudah didaftarkan dengan Bank Rakyat, anda akan menerima Kod Kebenaran Transaksi (TAC) melalui SMS dan masukkan kod TAC dan klik "Seterusnya"
Langkah 4	Buat ID pengguna anda, kata laluan baharu dan alamat e-mel dan buat frasa selamat dan pilih warna dari senarai. Baca dan terima terma dan syarat dan klik "Hantar".



Bank Pilihan Anda

Langkah 5	Setelah pendaftaran selesai, sistem akan memaparkan frasa selamat dan had transaksi harian dalam talian. Klik "Klik Di Sini" untuk meneruskan ke halaman log masuk.
Langkah 6	Setelah berjaya, teruskan ke "Login" dengan ID pengguna dan kata laluan anda untuk menikmati faedahnya.

2. Pemegang kad boleh mengikuti langkah-langkah di bawah bagi penebusan Ganjaran Rakyat melalui iRakyat:

Langkah 1	Di laman utama, pergi ke "Ganjaran Rakyat" dan anda boleh melihat maklumat ganjaran penebusan.
Langkah 2	Untuk menebus, log masuk ke iRakyat dengan ID pengguna dan kata laluan anda yang berdaftar.
Langkah 3	Pergi ke maklumat akaun dan klik "Kad".
Langkah 4	Pilih Ganjaran Rakyat dan pilih kaedah penebusan atau rebat yang anda inginkan (CASA-i/OFA/Rakan kongsi yang dilantik).
Langkah 5	Pilih kaedah penebusan dengan jumlah.
Langkah 6	Setelah selesai, teruskan ke "Check Out", sahkan butiran penebusan dan mesej akan dipaparkan untuk mengesahkan pesanan penebusan.

G. TERMA DAN SYARAT UMUM

1. Terma dan syarat ini perlu dibaca bersama dengan Terma dan Syarat Umum Kad Kredit-i Bank Rakyat.
2. Pemegang kad bersetuju untuk terikat kepada terma dan syarat yang dinyatakan di sini dan bersetuju untuk mengakses laman web Bank Rakyat dari semasa ke semasa untuk melihat sebarang perubahan atau variasi terhadap apa-apa Terma dan Syarat dan untuk mendapatkan penerangan dari Bank Rakyat sekiranya terdapat kekeliruan untuk memahami Terma dan Syarat yang dinyatakan.
3. Bank Rakyat tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kelewatan, kerugian, kekurangan, pemberitahuan atau sebarang surat-menyurat yang tidak betul sama ada melalui e-mel, surat atau mana-mana saluran media yang bersesuaian.
4. Bank Rakyat tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kejadian yang disebabkan oleh bencana alam, peperangan, rusuhan, perintah berkurung, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik atau pandemik, kegagalan sistem atau kejadian yang berlaku di luar kawalan Bank Rakyat.



Bank Pilihan Anda

5. **PENAFIAN: TERTAKLUK KEPADA APA YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG, BANK RAKYAT TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB KEPADA PEMEGANG KAD UNTUK KEROSAKAN LANGSUNG, TIDAK LANGSUNG, KHAS, SAMPINGAN, GANTI RUGI TAULADAN ATAU AKIBAT KEROSAKAN (TERMASUK KEHILANGAN PENGGUNAAN, DATA, PERNIAGAAN ATAU KEUNTUNGAN) YANG TIMBUL DARIPADA ATAU BERKAITAN DENGAN PENYERTAAN ANDA DALAM KEMPEN INI, SAMA ADA LIABILITI TERSEBUT BERLAKU BERPUNCA DARIPADA APA-APA TUNTUTAN BERASASKAN KEPADA KONTRAK, JAMINAN, TORT (TERMASUK KECUAIAN), LIABILITI KETAT ATAU SEBALIKNYA, DAN SAMA ADA PEMEGANG KAD TELAH DINASIHATKAN ATAU TIDAK KEMUNGKINAN KERUGIAN ATAU KEROSAKAN BOLEH BERLAKU.**
6. Bank Rakyat mempunyai hak dan budi bicara secara mutlak untuk meminda, membatalkan atau menambah mana-mana terma dan syarat ini dari semasa ke semasa dengan memberi notis 21 hari terlebih dahulu di laman web Bank Rakyat dan apa-apa pindaan, pembatalan atau penambahan itu hendaklah berkuat kuasa pada tarikh 21 hari selepas notis tersebut dikeluarkan.
7. Terma dan Syarat ini ditadbir dan ditafsir mengikut undang-undang Malaysia.
8. Untuk maklumat dan pertanyaan lanjut, sila hubungi Pusat Kad Bank Rakyat di talian 03-2693 6880 atau layari laman sesawang Bank www.bankrakyat.com.my
9. Jika terdapat apa-apa percanggahan terjemahan antara Terma dan Syarat versi Bahasa Malaysia dengan Bahasa Inggeris, Terma dan Syarat versi Bahasa Inggeris ini akan terpakai.